


Bahagian A**[60 markah]**

Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

1. (a) Rajah 1 menunjukkan faktor-faktor pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran.



Rajah 1

Terangkan ciri-ciri faktor pengeluaran tersebut.

[6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan negara P.

Negara P
<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan tidak campur tangan dalam ekonomi• Mekanisme harga menentukan harga pasaran

Jelaskan cara negara P menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:


(i) Apa yang hendak dikeluarkan ?

[2 markah]

(ii) Bagaimana hendak dikeluarkan ?

[2 markah]

- (c) Rajah 2 menunjukkan perubahan penawaran suatu barang.




Rajah 2

Terangkan penentu yang menyebabkan peralihan keluk S_0S_0 ke S_1S_1 .

[6 markah]

- (d) Rajah 3 menunjukkan hubungan antara tingkat harga dengan kuantiti yang diminta suatu barang.



Rajah 3

- (i) Hitung nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut.

[2 markah]

- (ii) Tafsirkan nilai keanjalan harga permintaan barang di 1(d)(i) .

[2 markah]

2. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan peralihan kerjaya Juraidah.

Januari 2020- Disember 2022	Januari 2023 - Sekarang
Luar bandar	Bandar
Kerani akauan	Penyelia Kilang
Kilang kelapa sawit , Setiu	Kilang ais, Gong Badak, Kuala Nerus
Gaji: RM1500	Gaji: RM4000

Terangkan faktor yang mempengaruhi Juraidah memilih pekerjaan tersebut.

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

PUTRAJAYA: Kerajaan menyalurkan bantuan langsung kepada golongan yang memerlukan berjumlah RM32.1 billion sejak negara dilanda COVID-19 Mac tahun lepas.


Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Azizi, berkata bantuan langsung berkenaan merangkumi Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Bantuan Prihatin rakyat (BPR).

Sumber: Diubah suai daripada mof.gov.my/portal, 1 September 2021.

Jelaskan jenis pendapatan tersebut.

[4 markah]


- (c) Gambar menunjukkan input yang digunakan dalam pembuatan keropok lekor.



Bandingkan kedua-dua input pengeluaran tersebut.

[5 markah]

- (d) Gambar berikut berkaitan dengan satu kempen kerajaan.



Sumber: Diubah suai daripada <https://rsudsekayu.mubakab.go.id/>, 12 Julai 2023

Jelaskan kos sosial yang timbul daripada situasi tersebut.

[5 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Projek Pembinaan Hospital Pasir Gudang Dijangka Siap pada Mac 2025.

Sumber: Diubah suai daripada <https://www.kkr.gov.my/>, 13 Jun 2024.

Mengapa kerajaan perlu membina hospital tersebut?

[5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi negara.

Seramai 293,639 pekerja telah kehilangan pekerjaan dalam pelbagai sektor dari tahun 2020 hingga 27 September 2023.

Sumber: Diubah suai daripada <https://berita.rtm.gov.my/>, 21 Oktober 2024.

- (i) Jelas situasi ekonomi tersebut.

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah di b(i) menggunakan dasar fiskal

[4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.

Harga kenderaan elektrik (EV) import sepenuhnya (CBU) dijangka meningkat tinggi selepas tamat tempoh pengecualian duti pada akhir tahun 2025.

Sumber: Diubah suai daripada <https://www.bharian.com.my/>, 29 Disember 2024.

- (i) Nyatakan bentuk sekatan tersebut.

[1 markah]

- (ii) Jelaskan tujuan sekatan perdagangan antarabangsa tersebut dilaksanakan.

[4 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dollar Amerika Syarikat (USD) bagi dua tempoh masa.

Bulan	Amerika Syarikat (USD)	Malaysia (RM)
Jan 2025	1	4.4700
April 2025	1	4.4290

Jelaskan kesan ke atas imbalan dagangan Malaysia akibat perubahan tersebut.

[4 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah ekonomi

Kenaikan gaji minimum RM1,700 rangsang ekonomi negara

KUALA LUMPUR: Peningkatan gaji minimum dijangka merangsang kuasa beli rakyat sekali gus menggerakkan ekonomi negara dan dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Beliau berkata keputusan menaikkan gaji minimum RM1,700 adalah langkah positif namun pelaksanaannya perlu mengambil kira keadaan ekonomi semasa negara dan serantau bagi mengelakkan tekanan inflasi yang ketara terhadap rakyat.

Sumber: Diubahsuai daripada Astro Awani. 3 Februari 2025

- (a) Mengapa kerajaan mengambil tindakan sedemikian.

[4 markah]

- (b) Dengan bantuan gambar rajah, jelaskan kesan tindakan tersebut kepada pasaran.

[7 markah]

- (c) Tindakan tersebut memberikan implikasi kepada ekonomi negara.

Bincangkan.

[9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi dalam ekonomi.

Indeks Harga Pengguna rekod peningkatan perlahan

Laporan terbaru Indeks Harga Pengguna (IHP) yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bacaan mata indeks IHP adalah 134.1, meningkat daripada 132.2 pada bulan sama tahun lalu.

Sumber: Diubah suai daripada <https://www.astroawani.com.my>, 20 Feb 2025

- (a) Jelaskan situasi ekonomi yang terdapat dalam petikan di atas.

[4 markah]

- (b) Situasi ekonomi tersebut memberi kesan kepada pengguna.

Jelaskan

[7 markah]

- (c) Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal situasi tersebut.

[9 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu program kerajaan.

8.5 juta rakyat bakal terima STR Fasa 2 sebelum Aidilfitri

PETALING JAYA: Kerajaan akan mula menyalurkan pembayaran STR Fasa 2 bermula 24 Mac ini dengan peruntukan sebanyak RM1.7 bilion berbanding RM1.5 bilion pada tahun lalu.

Peningkatan peruntukan STR dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) pada tahun ini sebanyak RM3 bilion atau 30 peratus kepada RM13 bilion adalah ikhtiar untuk meningkatkan martabat hidup rakyat secara saksama.

Sumber: Diubah suai daripada Utusan Malaysia, 21 Mac 2025.

- (a) Huraikan jenis perbelanjaan kerajaan tersebut.
[5 markah]
- (b) Jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap permintaan barang.
[6 markah]
- (c) Pada pandangan anda, sejauh manakah pemberian tersebut dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat.
[9 markah]

- 7 Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah syarikat automobil yang beroperasi di Malaysia.

Kilang Mercedes-Benz Malaysia satu-satu di Asia Tenggara menghasilkan kenderaan pemanduan kiri dan kanan

Mercedes-Benz Malaysia (MBM) mencipta kejayaan baharu apabila menjadi satu-satunya kilang pemasangan pertama di Asia Tenggara yang menghasilkan kereta untuk pemanduan kiri dan kanan.

Kejayaan ini menjadi satu pencapaian baharu buat MBM selepas syarikatnya bakal mengeksport kenderaan yang dipasang di kilang Pekan, Pahang bagi pasaran Filipina bermula bulan ini.

Sumber : Diubah suai daripada Gempak.com, 22 Ogos 2019

- (a) Mengapakah syarikat tersebut dianggap sebagai sebuah syarikat multinasional ? [5 markah]
- (b) Infrastruktur pengangkutan yang baik di Malaysia merupakan antara faktor mendorong kemasukan syarikat tersebut.
Jelaskan. [6 markah]
- (c) Kejayaan syarikat tersebut memberi impak positif kepada ekonomi negara.
Kemukakan hujah anda. [9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT